

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-43

**BURSA MALAYSIA BERHAD**

No. Pendaftaran: 197601004668 (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)



**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan ke-43 Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan di Nexus Ballroom 2 & 3, Connexion Conference & Event Centre, Aras 3A, Nexus, Bangsar South, No. 7, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 31 Mac 2020 pada jam 10.00 pagi untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

## Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
2. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut, yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula:
  - (1) Datuk Karownakaran @ Karunakaran a/l Ramasamy; dan **Resolusi 1**
  - (2) Encik Pushpanathan a/l S.A. Kanagarayar. **Resolusi 2**
3. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut, yang bersara selaras dengan Artikel 18.11 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
  - (1) Puan Uji Sherina binti Abdullah; dan **Resolusi 3**
  - (2) Professor Joseph Cherian. **Resolusi 4**
4. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. **Resolusi 5**
5. Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM2,200,000 bermula 1 April 2020 hingga Mesyuarat Agung Syarikat tahun yang berikutnya. **Resolusi 6**
6. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 7**
7. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-43 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 15.9 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 24 Mac 2020. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 24 Mac 2020 sahaja layak menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

## MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md. Hashim, LS0006674

Hong Soo Yong, MAICSA 7026744

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

2 Mac 2020